

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92**

**Mac/April 1992**

**PDP 489 - Kaedah Mengajar Fizik**

**Masa : [2 Jam]**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab mana-mana TIGA soalan.

1. Berikut adalah 3 pandangan mengenai proses penyiasatan saintifik :

- [A] Pandangan Empiris dan Induktivist
- [B] Pandangan Hipotetiko-Deduktif
- [C] Pandangan K. Popper

Pilih satu daripadanya dan buatlah satu huraian yang kritis tentangnya.

[100 markah]

2. [A] Mengapa literasi saintifik penting bagi sesebuah masyarakat?

[30%]

[B] Apakah maksud pendekatan "Pipeline" dan pendekatan "Mainstream" tentang pendidikan sains?

[30%]

[C] Patutkah semua orang murid mengikuti suatu kurikulum sains yang sama, atau murid-murid yang mempunyai kebolehan akademik berlainan ditawarkan dengan kursus-kursus sains yang berlainan. Berikan sebab-sebab ke atas pandangan anda.

[40%]

[100 markah]

3. Pendekatan proses oleh TABA selalu digunakan untuk mengajar kerja amali sains di sekolah.

[A] Apakah kebaikan pendekatan mengajar ini?

[30%]

[B] Pilih suatu prinsip atau generalisasi fizik dan terangkan bagaimana anda dapat mengajar tajuk ini dengan menggunakan model TABA. (Beri contoh yang baru, jangan menggunakan contoh-contoh yang dibincangkan semasa kuliah).

[70%]

[100 markah]

....2/-

4. [A] Sebutkan langkah-langkah yang hendak digunakan jika anda ingin mengajar sesuatu pelajaran melalui pendekatan soalsiasat.

[30%]

- [B] Pilih suatu masalah atau tajuk Fizik yang sesuai dan terangkan bagaimana anda boleh mengadakan perbincangan masalah atau tajuk tersebut dengan murid-murid anda. (Beri contoh yang baru, jangan gunakan contoh-contoh yang dibincangkan semasa kuliah).

[70%]

[100 markah]

5. Guru boleh menggunakan berbagai soalan mengikut siri atau turutan dengan meningkat aras kesukaran bahan-bahan persembahannya. Pilih satu tajuk yang anda pernah mengajar semasa pendedahan latihan mengajar. Sediakan beberapa soalan berhubung dengan tajuk tersebut dan meningkatkan secara berperingkat-peringkat, aras kesukaran soalan sehingga ke tahap kognitif yang paling tinggi.

[100 markah]

--- oooo000oooo ---